

06/03/1997

Umno Sabah sokong gesaan Mahathir

KOTA KINABALU, Rabu - Umno Sabah menyokong penuh gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya kerajaan negeri mengambil tindakan mewujudkan lebih ramai Bumiputera kelas menengah di setiap negeri.

Setiausaha Perhubungan Umno Sabah, Datuk Yahya Hussin berkata, kenyataan Perdana Menteri itu amat tepat bagi negeri Sabah kerana negeri ini masih kurang Bumiputera kelas berkecukupan yang menjalankan kegiatan perniagaan atau perusahaan.

"Kerajaan negeri sebenarnya mempunyai perancangan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perusahaan dan perniagaan tetapi tiada tindakan yang lebih komited diambil untuk melaksanakan program berkecukupan.

"Ini menyebabkan golongan berkecukupan ketinggalan. Sikap ini perlu dikikis sekiranya kerajaan negeri ingin melihat wujudnya satu kelas menengah Bumiputera yang boleh bersaing dengan kaum lain di negeri ini," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Datuk Yahya berkata, kerajaan negeri perlu berani memberi kepercayaan dan peluang kepada golongan Bumiputera yang sanggup dan berkemampuan untuk menjalankan perniagaan.

Sementara itu, Ketua Penerangan Umno Sabah, Datuk Abdul Karim Ghani, berkata Umno negeri amat berharap kepada kerajaan negeri untuk mengambil langkah positif memberi peluang, bantuan dan dorongan kepada golongan Bumiputera supaya mereka dapat berganjak dari kedudukan sekarang kepada kelas menengah.

Abdul Ghani berkata, dewan perniagaan Melayu dan Bumiputera perlu memberi perhatian khusus bagi menambahkan golongan menengah berkecukupan.

"Mereka bukan setakat mencari peluang perniagaan untuk persatuan tetapi perlu berusaha mencari peluang perniagaan untuk ahlinya bagi menambah penyertaan Bumiputera dalam bidang perniagaan," katanya.

(END)